**PERBENDAHARAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN**

**PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : TUNTUTAN SKIM PEMBIAYAAN YURAN KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI DAN PENGURUSAN PROFESIONAL** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 1/11 |
| KELUARAN : | PINDAAN : 0 | TARIKH UBAHSUAI : |

| **Bil** | **Perkara** | **Maklumat Yang Perlu Disemak** | **Rujukan** |
|---|---|---|---|
| **A** | Tuntutan Skim Pembiayaan Yuran Keahlian Kelab Rekreasi dan Sukan Bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi Serta Kumpulan Pengurusan Dan Profesional | Pastikan borang kenyataan tuntutan pembiayaan yuran keahlian kelab rekreasi dan sukan yang betul digunakan dokumen sokongan disertakan.<br><br>1.0 Borang tuntutan yang diterima daripada pemohon dan dicop tarikh **“ TERIMA ”**<br><br>2.0 Semak borang tuntutan dan dokumen sokongan<br><br>2.1 Pastikan hanya satu tuntutan sahaja dibuat sepanjang tempoh perkhidmatan dengan kerajaan.<br><br>2.2 Pastikan bulan dan tahun kewangan :-<br><br>2.2.1 Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan dan perlu mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri serta memenuhi syarat berikut:-<br><br>i. Tuntutan hendaklah disempurnakan dalam tahun kewangan<br><br>ii. Baki peruntukan dalam tahun kewangan dan semasa adalah mencukupi<br><br>***Sekiranya syarat AP 58 (a) tidak dipatuhi, sila pastikan Surat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri disertakan*** | Format seperti 1PP - WP 8.2, Lampiran A<br><br>Arahan Perbendaharaan 58(a) |

| **TAJUK : TUNTUTAN SKIM PEMBIAYAAN YURAN KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI DAN PENGURUSAN PROFESIONAL** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 2/11 |
| KELUARAN : | PINDAAN : 0 | TARIKH UBAHSUAI : |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Tuntutan Skim Pembiayaan Yuran Keahlian Kelab Rekreasi dan Sukan Bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi Serta Kumpulan Pengurusan Dan Profesional | 3.0 Pastikan butir-butir maklumat peribadi pegawai adalah lengkap seperti berikut :-<br><br>3.1 Nama dan no. kad pengenalan, taraf perkahwinan hendaklah dicatatkan.<br><br>3.2 Jawatan, Gred Jawatan dan Skim Perkhidmatan.<br><br>3.3 Tarikh perlantikan, tarikh sah dalam perkhidmatan.<br><br>3.4 Kementerian/Jabatan, alamat pejabat, telefon, fax dan alamat kediaman.<br><br>3.4.1 Gred Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan Profesional sahaja yang layak.<br><br>3.5 Nombor Akaun dan nama bank<br><br>4.0 Semak kelulusan di bahagian II dan pastikan ditandatangani oleh Pegawai yang bertanggungjawab di Bahagian/ Seksyen Pengurusan Sumber Manusia.<br><br>5.0 Semak kelulusan di bahagian III dan pastikan kelulusan ditandatangani oleh Pegawai yang bertanggungjawab YB Menteri/ Pegawai Pengawal.<br><br>6.0 Semak dan pastikan butir-butir Kelab Rekreasi Dan Sukan adalah lengkap seperti berikut:-<br><br>6.1 Nama, nombor rujukan pendaftaran kelab, alamat, telefon dan faks.<br><br>6.2 Bayaran/ yuran masuk, yuran bulanan dan kemudahan yang disediakan oleh kelab | 1PP - WP 8.2 Lampiran A |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Tuntutan Skim Pembiayaan Yuran Keahlian Kelab Rekreasi dan Sukan | 7.0 Semak dan pastikan butir-butir dan sumbangan adalah lengkap seperti berikut:-<br><br>7.1 Tarikh menjadi ahli, nombor keahlian dan nombor resit pembayaran,<br><br>7.2 Jumlah sumbangan kewangan yang dipohon dan tujuan untuk menganggotai kelab rekseasi dan sukan.<br><br>8.0 Perakuan<br><br>8.1 Semak sama ada ruangan **Perakuan** pada borang tuntutan diisi dengan lengkap :-<br><br>8.1.1 Tarikh, nama dan tandatangan pegawai. | 1PP - WP 8.2<br>Lampiran A |
| | | 9.0 Pastikan syarat-syarat kelayakan dipenuhi oleh pegawai yang menuntut seperti:<br><br>9.1 Pegawai Kumpulan, Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang tugasnya memerlukan interaksi dengan rakan sejawat di sektor swasta dibenarkan membuat tuntutan bagi bantuan bayaran/ yuran masuk menjadi ahli sebuah kelab rekreasi dan sukan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:-<br><br>9.1.1 Tuntutan yang dibenarkan hanyalah untuk bayaran / yuran masuk sahaja tertakluk kepada had minimum RM4,000 dan selebihnya ditanggung sendiri oleh pegawai; | 1PP - WP 8.2<br>Para 3.1<br>(3.1.1 hingga 3.1.9) |

**PERBENDAHARAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN**

**PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : TUNTUTAN SKIM PEMBIAYAAN YURAN KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI DAN PENGURUSAN PROFESIONAL** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 4/11 |
| KELUARAN : | PINDAAN : 0 | TARIKH UBAHSUAI : |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Tuntutan Skim Pembiayaan Yuran Keahlian Kelab Rekreasi dan Sukan | 9.1.2 Bayaran / yuran masuk untuk keahlian individu sahaja;<br><br>9.1.3 Bayaran / yuran masuk keahlian bukan berbentuk saham;<br><br>9.1.4 Pegawai lantikan tetap di bawah Sistem Saraan Baru dan Sistem Saraan Malaysia;<br><br>9.1.5 Pegawai atau suami / isteri juga layak menerima kemudahan ini boleh membuat tuntutan yang berasingan;<br><br>9.1.6 Tuntutan kemudahan ini hendaklah disokong dengan resit pembayaran;<br><br>9.1.7 Kemudahan tuntutan hanya boleh dibuat sekali dalam tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan;<br><br>9.1.8 Kelulusan bayaran kemudahan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Kenyataan Perkhidmatan Pegawai; dan<br><br>9.1.9 Keahlian tidak boleh dipindah milik. | 1PP - WP 8.2 Para 3.1 (3.1.1 hingga 3.1.9) |

| **Bil** | **Perkara** | **Maklumat Yang Perlu Disemak** | **Rujukan** |
|---|---|---|---|
| | Tuntutan Skim Pembiayaan Yuran Keahlian Kelab Rekreasi dan Sukan | 10.0 Pastikan Kelab Rekreasi dan Sukan yang dibenarkan di bawah kemudahan ini hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut :<br><br>10.1 Kelab tersebut ditubuhkan secara sah dibawah Akta Syarikat 1965 (Akta 125) atau Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) dan pindaannya;<br><br>10.2 Keahlian kelab terbuka kepada umum terutamanya bagi pegawai Kerajaan dan eksekutif swasta;<br><br>10.3 Kelab menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan sukan **seperti golf, tenis, kolam renang, gimnasium, perpustakaan, rumah rehat, bilik teater dan sebagainya**; dan<br><br>10.4 Kelab mempunyai premis untuk beroperasi. | 1PP - WP 8.2<br>Para 3.2,<br>3.2.1 hingga 3.2.4 |
| | | 11.0 Kuasa untuk meluluskan tuntutan kemudahan ini:-<br><br>11.1 Kuasa untuk meluluskan tuntutan kemudahan ini adalah pegawai-pegawai yang memenuhi semua peraturan dan syarat yang ditetapkan dalam pekeliling ini adalah diberi kepada Pegawai Pengawal.<br><br>11.2 Permohonan daripada Pegawai Pengawal hendaklah dikemukakan kepada YB Menteri masing-masing untuk pertimbangan dan kelulusan.<br><br>11.3 Dalam menimbangkan sesuatu permohonan, peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam pekeliling ini hendaklah dipatuhi disamping menimbangkan kepentingan permohonan menganggotai kelab rekreasi dan sukan yang bersesuaian dengan keperluan dan objektif organisasi. | 1PP - WP 8.2<br>Para 4,<br>4.1 hingga 4.3 |
| | | 12.0 Pastikan borang permohonan dikemukakan melalui borang seperti di Lampiran A | 1PP - WP 8.2<br>Para 5.1 |

| **TAJUK : TUNTUTAN SKIM PEMBIAYAAN YURAN KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI DAN PENGURUSAN PROFESIONAL** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 6/11 |
| KELUARAN : | PINDAAN : 0 | TARIKH UBAHSUAI : |

| **Bil** | **Perkara** | **Maklumat Yang Perlu Disemak** | **Rujukan** |
|---|---|---|---|
| **B** | Dokumen Sokongan | 13.0 Semak dokumen sokongan.<br><br>13.1 **Sijil AP 58(a) – jika perlu**<br>Semak Tahun Kewangan. Pastikan sijil AP 58(a) disertakan jika bukan Tahun Semasa.<br><br>13.2 **Borang Tuntutan Perjalanan**<br>Semak dan pastikan borang tuntutan lengkap.<br><br>13.3 **Resit Pembayaran**<br>Pastikan resit pembayaran yuran disertakan | |
| **C** | Proses Baucar Bayaran | 14.0 Semua tuntutan bayaran hendaklah dibayar dengan segera:-<br><br>i. Pastikan maklumat bayaran dicop pada muka depan baucar bayaran sebelum difailkan.<br><br>ii. Semua dokumen sokongan berserta baucar bayaran perlulah dicop "**TELAH BAYAR**" setelah selesai proses pembayaran. Manakala dokumen sokongan yang merupakan salinan perlulah disahkan.<br><br>iii. Semua dokumen sokongan perlu dikepilkan bersama baucar bayaran dan difailkan dalam fail yang sama mengikut nombor siri baucar.<br><br>iv. Baucar bayaran difailkan di dalam fail kulit keras mengikut turutan nombor dari awal hingga akhir. Pastikan kulit fail dilabel nombor siri awal dan akhir pada bahagian depan dan sisi fail.<br><br>v. Pegawai pengawal hendaklah menyimpan satu daftar untuk merekodkan senarai nama pegawai yang diberi sumbangan kewangan bagi bayaran/ yuran masuk menjadi ahli kelab rekreasi dan sukan. | Arahan Perbendaharaan 103(a)<br><br>Surat Pekeliling Akauntan Negara Bil. 17 Tahun 2014<br><br>Arahan Perbendaharaan 99(a) |

| **TAJUK : TUNTUTAN SKIM PEMBIAYAAN YURAN KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI DAN PENGURUSAN PROFESIONAL** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 7/11 |
| KELUARAN : | PINDAAN : 0 | TARIKH UBAHSUAI : |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| **D** | Tafsiran | Berikut adalah senarai tafsiran yang diguna pakai :-<br><br>**<u>Takrif Skim Pembiayaan Yuran Keahlian Kelab Rekreasi dan Sukan</u>**<br><br>Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional diberi kemudahan Skim Pembiayaan Keahlian Kelab Rekreasi dan Sukan bertujuan untuk meningkatkan interaksi pegawai-pegawai berkenaan dengan rakan sejawat mereka di sektor swasta selaras dengan hasrat Pensyarikatan Malaysia.<br><br>**<u>Gred</u>**<br><br>Gred Gaji di bawah Sistem Saraan Malaysia mengikut Pekeliling Perkhidmatan bil 4 Tahun 2002. Pegawai yang memilih tidak menerima Sistem Saraan Malaysia boleh terus mengemukakan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran dibawah pekeliling ini berdasarkan Gred / Kategori masing-masing dibawah Sistem Saraan Baru (SSB) / Kumpulan gaji masing-masing dibawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) mengikut mana berkenaan. Jadual perubahan / perbandingan adalah seperti di Lampiran A;<br><br>**<u>Pegawai</u>**<br><br>Seseorang pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri termasuk yang dilantik secara tetap dan sementara. | Pekeliling Perbendaharaan (1PP)<br><br>WP 8.2<br>Para 2.1<br><br>WP 1.4<br>Para 2.1<br><br>WP 1.2<br>para 2.3 |

**LAMPIRAN A**

# BORANG PERMOHONAN SKIM PEMBIAYAAN KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN

**BAHAGIAN I**: (Diisi oleh pemohon)

## A. BUTIR-BUTIR PERIBADI

1. Nama (huruf besar)

2. Nombor kad pengenalan ______ - __ - ____

3. Taraf perkahwinan Berkahwin ☐ Bujang ☐

4. (a) Jawatan

(b) Gred jawatan

(C) Skim Perkhidmatan

5. (a) Tarikh pelantikan __ - __ - ____

(b) Tarikh disahkan dalam perkhidmatan __ - __ - ____

6. (a) Kementerian/Jabatan

(b) Alamat pejabat

Telefon __ - ________ Faks __ - ________

(c) Alamat kediaman

**BAHAGIAN II**:(Diisi oleh Pegawai Yang Bertanggungjawab Di Bahagian/ Seksyen Pengurusan Sumber Manusia)

Kepada:

YB Menteri / Pegawai Pengawal

……………………………………………………………………………………

Disahkan bahawa butir-butir yang diberikan oleh pegawai telah diselidiki dan didapati benar.

*(a) Pegawai ini belum pernah menerima sumbangan kewangan bagi bayaran/yuran masuk menjadi ahli kelab rekreasi dan sukan; dan

*(b) Saya menyokong permohonan ini bagi tujuan meningkatkan interaksi pegawai dengan rakan-rakan sejawat di sektor swasta selaras dengan hasrat Persyarikatan Malaysia; atau

*(c) Saya idak menyokong permohonan ini kerana berpendapat pemohon tidak perlu menganggotai kelab rekreasi dan sukan buat masa ini.

Tarikh ………………………… ……………………………………………………

*Tandatangan Pegawai Yang Bertanggungjawab*

Nama penuh / jawatan…………………………..

**BAHAGIAN III**: (Diisi oleh YB Menteri /Pegawai Pengawal)

Kepada:………………………………………………………………………………

*(Pegawai Yang bertanggungjawab)*

*(a) Sumbangan kewangan sebanyak RM4,000 kepada pemohon untuk bayaran/yuran masuk menjadi ahli kelab rekreasi dan sukan berkenaan diluluskan Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan WP 8.2. Sumbangan kewangan ini perlu direkodkan dalam buku Kenyataan Perkhidmatan pemohon.

*(b) Sumbangan kewangan tidak diluluskan.

(c) Sila maklumkan keputusan ini kepada pemohon.

Tarikh ………………………… ……………………………………………………

*Tandatangan Pegawai Yang Bertanggungjawab*

Nama penuh/jawatan…………………………..

Nota:

1 Pegawai Pengawal dikehendaki menyimpan satu daftar untuk merekodkan senarai nama pegawai yang diberi sumbangan kewangan bagi bayaran/yuran masuk menjadi ahli kelab rekreasi dan sukan.

2 Satu salinan borang permohonan adalah untuk fail pejabat dan satu lagi dikemukakan bersama-sama baucar pembayaran kepada Akauntan Negara.

---

* Potong yang mana tidak berkenaan

**B. BUTIR-BUTIR KELAB REKREASI DAN SUKAN**

1. Nama kelab

2. No. rujukan pendaftaran kelab

3. Alamat

Telefon - Faks -

4. Bayaran/yuran masuk RM .

5. Yuran bulanan RM .

6. Kemudahan yang disediakan oleh kelab

…………………………………………………………………………………..
…………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………

**C. BUTIR-BUTIR KEAHLIAN DAN SUMBANGAN**

1. Tarikh menjadi ahli - -

2. Nombor keahlian

3. Nombor resit bayaran

(Resit hendaklah dikemukakan bersama-sama permohonan)

4. Jumlah sumbangan kewangan yang dipohon RM .

5. Tujuan untuk menganggotai kelab rekreasi dan sukan
…………………………………………………………………………………..
…………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………

## D. PERAKUAN

Saya mengaku bahawa:-

(a) Butir-butir yang dinyatakan di atas adalah benar; dan

(b) Saya belum pernah menuntut/menerima sumbangan daripada Kerajaan untuk bayaran/yuran masuk menjadi ahli kelab rekreasi dan sukan.

Tarikh ……………………………….. ………………………………………………………..

*Tandatangan Pemohon*

Nama ………………..……………………………..